

BAB DUA

LATAR BELAKANG ILMU BALAGHAH

2.0 Pengenalan

Sebelum memasuki dalam pembahasan tentang peranan al-Sakkākīy dalam perkembangan ilmu balaghah terlebih dahulu penulis memperkenalkan latar belakang ilmu balaghah dengan mengemukakan definisinya, pembahagiannya, peranan dan kedudukannya dalam bahasa Arab, sejarah ringkas pertumbuhannya dan pengasasnya, semoga dengan demikian akan memudahkan para pembaca untuk memahami kandungan penulisan ini.

2.1 Definisi Ilmu Balaghah

Istilah “Ilmu al-balaghah” terdiri daripada dua perkataan Arab. Perkataan “ilmu” diambil dari kata akar ‘ayn, lām dan mīm (ع ، ل ، م), yang bermaksud mengetahui sesuatu dengan sebenarnya.¹ Perkataan “Ilmu” juga memberi maksud sebagai pengetahuan tentang suatu bidang yang disusun secara sistematik mengikut metode metode tertentu yang dapat digunakan untuk menerangkan hal-hal tertentu dalam bidang pengetahuan tertentu.²

Sementara “Balaghah” pula adalah perkataan Arab yang diambil daripada kata akar bā’, lām dan ghayn (ب ، ل ، غ) dari segi bahasa bermaksud “sampai” (الْإِنْتِهَاءُ atau الْوُصُولُ) seperti dalam ayat: "بَلَغَ فُلَانٌ مُرَادَهُ إِذَا وَصَلَ إِلَيْهِ" (Si polan telah sampai tujuannya apabila dia sampai kepadanya). Begitu juga dalam ayat:

¹ Lawīs Ma‘lūf, *al-Munjid Fī al-Lughat Wa al-I‘lām*, hlm. 527.

² Cormentyna Sitanggang dkk, *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional Jakarta, 2008, hlm. 544

" بَلَغَ الرَّكْبُ الْمَدِينَةَ إِذَا انْتَهَى إِلَيْهَا " (Konvoi itu telah sampai ke bandar itu apabila ia tiba di sana).¹ Ini adalah antara faktor yang menyebabkan bidang ini dinamakan sebagai “balaghah”, kerana dengan ilmu balaghah seseorang itu dapat menyampaikan sesuatu hasrat ke dalam hati sanubari pendengar dengan sempurna. Sebagaimana sesuatu ungkapan itu dikaitkan dengan kefasihan, kerana ia dapat menyampaikan kepada pendengar keseluruhan aspek-aspek lafaz dan dan aspek-aspek makna secara sempurna.²

Dalam *Lisān al-‘Arab* pula “al-balāghat” bermaksud “al-faṣāhat”, yakni “kefasihan”. al-balgh "الْبَلْغُ", al-bilgh "الْبِلْغُ" dan al-balīgh "الْبَلِيْغُ" adalah kata sinonim yang bermaksud “orang yang mahir berbahasa dalam menyampaikan sesuatu kenyataan yang terkandung di dalam hati sanubarinya dengan ungkapan yang fasih. Maka orang yang fasih bahasanya dalam bahasa Arab diistilahkan sebagai al-balīgh "الْبَلِيْغُ" bagi kata tunggal dan al-bulaghā’ "الْبُلْغَاءُ" bagi kata jamak.³

Begitulah definisi balaghah pada bahasa. Adapun definisi balaghah pada istilah maka penulis akan mengemukakan beberapa definisi yang telah diberikan oleh para pakar sebagai perbandingan. Definisi-definisi tersebut adalah seperti berikut:

¹ Muḥammad Farīd Wajdīy, *Dā‘irat Ma‘ārif al-Qarn al-‘Isyrīn*, jil. 3, hlm. 339

² Victor al-Kik dan As‘ād ‘Alīy, *Ṣinā‘at al-Kitābat*, hal. 217.

³ Ibn Manzūr, *Lisan al-‘Arab*, jil. 8, hlm. 42

1. Mengikuti al-Rummānīy¹ (295 H–384 H / 908 M–994 M), balaghah ialah menyampaikan sesuatu maksud ke dalam hati sanubari pendengar dengan cara dan ungkapan yang terbaik.²
2. Mengikuti al-Āmadīy³ (370 H / 981 M), balaghah ialah mencapai suatu makna dengan lafaz yang mudah digunakan, yang tidak melebihi dari keperluan yang dimaksudkan dan tidak pula berkurangan sehingga tidak dapat mencapai keperluan.⁴
3. Mengikuti Abū Hilāl al-‘Askariy⁵ (395 H / 1005 M), balaghah ialah setiap sesuatu yang boleh menyampaikan maksud ke dalam hati sanubari pendengar, maka pendengar itu menjadi yakin sebagaimana keyakinan yang dimiliki oleh penyampai itu sendiri dengan cara yang boleh diterima serta penampilan yang baik.⁶
4. Mengikuti al-Jurjānīy⁷ (471 H / 1078 M), balaghah ialah menyampaikan sesuatu maksud yang dilaksanakan dengan jiwa yang sempurna dengan cara yang lebih

¹ al-Rummānīy ialah Abū Ḥasan ‘Alīy bin ‘Īsā. Beliau seorang ahli bahasa Arab terutamanya dalam bidang nahu, dan ahli ilmu kalam dalam aliran mu‘tazilah, beliau belajar pada Ibn al-Sarrāj dan Ibn Durayd. Diantara karya beliau ialah “Kitāb al-Alfāz al-Mutaqāribat Wa al-Mutarādifat al-Ma‘nā”, “Syarḥ Kitāb Sibawayh”, “al-Jāmi‘ Fī ‘Ilm al-Qur‘ān” al-Asmā’ Wa al-Ṣifāt” dan “Sun‘at al-Istidlāl. Antara muridnya ialah Abū Ḥayyān al-Tawhīdīy. (al-Munjid Fī al-I‘lām, hlm. 265)

² al-Samirā’iy, Mahdi Ṣāliḥ, *Ta‘thīr al-Fikr al-Dīnī Fī al-Balāghat al-‘Arabiyyat*, hlm. 291

³ al-Āmadīy ialah Abū al-Qāsim, al-Ḥasan bin Basyar, beliau seorang sasterawan di Basrah. Antara karyanya ialah “al-Mu‘talif Wa al-Mukhtalif Fī Asmā’ al-Syu‘arā” dan “al-Muwazanat Baina Abī Tammām Wa al-Buḥtūrīy”. Meninggal dunia pada tahun 370 H / 981 (Munjid Fi al-I‘lām, hlm. 68)

⁴ Badāwīy Ṭabānaṭ, *‘Ilmu Bayān*, hlm. 7

⁵ Beliau ialah al-Ḥasan bin ‘Abd Allāh bin Sahal bin Sa‘īd bin Yaḥyā bin Mahrān al-‘Askariy. Beliau meninggal dunia pada tahun 395 H. Antara karya beliau ialah “Kitāb Ṣina‘atayn” dalam bidang balaghah, melainkan beliau lebih detil dalam bidang ilmu badī‘

⁶ Abū Hilāl al-‘Askariy, *al-Ṣinā‘atayn*, hlm. 6

⁷ Beliau ialah Abū Bakr ‘Abd al-Qāhir bin ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad. Dilahirkan pada tahun 401 Hijrah di Jurjān, beliau seorang yang alim, pakar dalam bidang bahasa Arab dan balaghah, berpegang teguh pada agama, wara‘, bermazhab Syafi‘i dalam bidang fikah dan bermazhab al-‘Asy‘ariy dalam bidang akidah. Beliau mempunyai banyak karangan, antara lain ialah *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I’jāz*, ‘Awāmil Mi’at dan lain-lain. Meninggal dunia pada tahun 471 H / 1078 M atau pada tahun 470 H / 1077 M. Ada pula yang mengatakan pada tahun 474 H / 1081 M.

dekat kepada penerimaan pendengar serta dapat membawa kepada keberkesanan, dengan ungkapan dan penyampaian mudah dan jelas supaya ia mudah difahami oleh pendengar.¹

5. Mengikut al-Sakkākīy² (555 H - 626 H / 1160 M - 1229 M), balaghah ialah kematangan penutur dalam menyampaikan pelbagai maksud dengan ciri-ciri yang sempurna dalam susunan kata yang sesuai.³
6. Mengikut al-Qazwīnīy⁴ (739 H / 1338 M), balaghah ialah suatu ungkapan yang sesuai dengan kehendak situasi di sekelilingnya dengan ungkapan yang fasih.⁵
7. Mengikut Ibn Muqaffa‘⁶ (759 H / 1358 M), balaghah ialah ungkapan yang menghimpunkan banyak makna yang berlaku dari banyak segi, ada yang berlaku pada diam, ada yang berlaku pada jawapan, ada yang berlaku pada puisi, ada berlaku pada mendengar dan bercakap, ada yang berlaku dalam penulisan dan isyarat kepada makna. Yang ringkas itu adalah balaghah.⁷

¹ ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 9

² Beliau ialah Sirāj al-Dīn, Abū Ya‘qūb Yūsuf bin Muḥammad bin ‘Alīy. Dilahirkan di Khuwārizm (Republik Uzbekistan) pada tahun 555 H / 1160 M. Beliau mempunyai beberapa karya, antaranya ialah *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Khilaf pendapat tentang tahun meninggal dunianya, ada yang berpendapat pada tahun 626 H / 1229 M dan ada juga pendapat pada tahun 623 H / 1226 M. Pendapat pertama lebih kuat

³ al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 526

⁴ al-Qazwīnīy ialah Jalāl al-Dīn Muḥammad, seorang sasterawan, bermazhab Syafi‘i dalam bidang fikah, pernah manjabat jawatan ketua hakim di Mesir dan di Siriya. Karya terkenal beliau ialah *Talkhīṣ al-Miftāḥ* dan *al-Iḍāḥ*. (al-Munjid Fī al-I‘lām, hlm. 438)

⁵ al-Qazwīnīy al-Khatīb, *al-Talkhīṣ Fī ‘Ulūm al-Balāghat*, hlm. 33

⁶ Beliau ialah ‘Abd Allah bin Muqaffa‘, Penulis ‘Arab, asal Parsi, meninggal dunia pada tahun 759 H / 1357 M

⁷ Syawqīy Ḍayf, *al-Balāghat Taṭāwwur wa Tārīkh*, hlm. 20

8. Mengikut Ibn Khaldūn ¹ (734 H – 808 H / 1332 M - 1406 M), balaghah ialah menghasilkan suatu bakat yang sempurna dalam menyusun kata untuk mengungkapkan makna-makna yang hendak disampaikan, serta menjaga kesesuaian susunan tersebut menurut yang dikehendaki oleh situasi di sekelilingnya sehingga penutur dapat mencapai suatu tujuan daripada pendengarnya.²

Abū ‘Uthmān al-Jāhiz ³ (255 H / 869 M) dalam karyanya *al-Bayān Wa al-Tabyīn* telah banyak memperkatakan tentang balaghah dan fasahah dengan pelbagai definisi dan komen para ulama silam, antara lain beliau menceritakan pandangan al-‘Attābiy ⁴ pada saat seseorang bertanya kepadanya: “Apakah definisi balaghah?”, al-‘Attābiy menjawab: “Setiap orang yang mampu memahami engkau tentang keperluannya dengan tanpa berulang-ulang, tanpa kegagapan dan tanpa meminta pertolongan adalah dianggap sebagai orang yang fasih berbahasa”. Lantas yang bertanya tadi berkata: “Kami tahu apa yang dikatakan “berulang-ulang” dan “kegagapan” tetapi apakah yang dimaksudkan dengan “meminta pertolongan?” al-‘Attābiy menjawab: “Tidakkah engkau melihat seseorang yang bercakap yang pada setiap penghujung percakapannya itu dia berkata: Wahai....!, perhatikanlah !,

¹ Beliau ialah Abū Zayd, ‘Abd al-Raḥmān bin Khaldūn, seorang ahli sejarah, dan failusuf kemasyarakatan Arab, seorang ilmuan pada masanya dalam bidang administrasi, politik, syari’ah sastera dan sains. Beliau dilahirkan di Tunisia pada tahun 734 H / 1332 M dan meninggal dunia di Kaherah pada tahun 808 H / 1406 M. Antara karya beliau kitab “Muqaddimat”.

² Ibn Khaldūn, *Muqaddimat*, al-Qāhirat: al-Maktabat al-Tijāriyyat al-Kubrā, t.th. hlm. 551

³ Beliau ialah Abū ‘Uthmān bin Baḥr. Dilahirkan di basrah, seorang sasterawan pada zaman Kerajaan ‘Abbasiah. Antara karyanya ialah “al-Bayan wa al-Tabtin”, al-Hayawan”, “al-Bukhala” dan “al-Tajj”. Meninggal dunia pada tahun 158 H – 251 H / 775 M – 868 M. (Lawīs Ma‘lūf, al-Munjid Wa al-I ‘lām, bahagian al-I‘lām, hlm. 194)

⁴ Beliau ialah Kalthūm bin ‘Amru, dari Bari Taghlib, keturunan ‘Amru bin Kalthūm al-Taghlibiy, dikenali sebagai Abū ‘Amru, seorang penyair terkenal, sasterawan dan penulis. Dilahirkan 135 H / 752 M, meninggal dunia pada tahun 220 H / 835 M, ada yang mengatakan pada tahun 208 H / 823 M.

dengarlah !, tidakkah engkau mendengar ?, tidakkah engkau memahami ?” ... Semua ini dan yang seumpamanya adalah dianggap sebagai suatu kelemahan dan kecacatan dalam berbahasa.¹

Ini bukanlah berarti bahawa al-‘Attābīy berpendapat bahawa setiap orang yang mampu memahamkan hasrat hatinya kepada orang lain boleh dianggap sebagai seorang yang fasih bahasanya walaupun dia menggunakan bahasa pasaran, melainkan maksud beliau di sini ialah orang yang mampu memahamkan hasrat hatinya kepada pendengar dengan menggunakan bahasa baku.² Jadi al-‘Attābīy mengharapkan kepada orang yang fasih agar tidak berulang-ulang dalam percakapannya, tidak menggagap dan tidak pula memanggil-manggil meminta pertolongan pada setiap penghujung percakapannya, kerana cara bercakap seperti ini akan membawa kepada berlebihan lafaz yang tidak perlu dan boleh menghilangkan ciri-ciri kefasihan dalam berbahasa.

Dari sekian banyak definisi yang telah penulis sebutkan dapat disimpulkan bahawa balaghah itu terdiri daripada lafaz dan makna. Dengan definisi yang konprehensif dapat dikatakan bahawa balaghah itu adalah mengungkapkan makna yang estetik dan jelas dengan menggunakan ungkapan yang betul, berpengaruh dalam jiwa pendengar, serta menjaga relevan setiap ungkapan itu dengan tempat di mana ia diucapkan, serta memperhatikan kesesuaiannya dengan kehendak situasi di sekelilingnya.

Berdasarkan definisi “ilmu” dan “balaghah”, maka dapat dikatakan bahawa ilmu balaghah adalah suatu kajian yang mengandungi teori-teori yang berkaitan

¹ Lihat: al-Jāhiz, *āl-Bāyān Wā āl-Tābyīn*, jil. 1, hlm. 113, 161-162

² Lihat: al-Jāhiz, *Ibid*, jil. 1, hlm. 113, 161-162

dengan cara-cara penyampaian ungkapan yang bernilai balaghah seperti yang telah disifatkan dalam definisi balaghah itu sendiri.

2.2 Pembahagian Ilmu Balaghah

Pada mulanya bidang ini tidak ada suatu pembahagian seperti yang kita lihat pada hari ini, ia hanya dikenali sebagai “al-balāghat”, “al-faṣāhat” dan “al-bayān”. Ketiga-tiga perkataan ini dianggap sebagai perkataan sinonim.¹ Ada juga antara pakar yang menamakan bidang ini sebagai “al-badī’”. Ini dapat dilihat dalam karya Ibn al-Mu‘tazz, di mana beliau menamakan karyanya dengan nama “*al-Badī’*” sedangkan perbincangan dalam kitab tersebut mencakup pelbagai aspek ilmu balaghah, seperti isti‘ārah, tasybīh dan kināyah. Ada juga antara pakar balaghah pada masa itu yang menamai bidang ini dengan ilmu bayān, seperti Ibn Wahb, pengarang kitab “*al-Burhān Fī Wujūh al-Bayān*”.²

Ada juga yang menamai bidang ini sebagai “naqd al-syi‘r” “نَقْدُ الشِّعْرِ”, (kritikan puisi) “ṣan‘at al-syi‘r” “صَنْعَةُ الشِّعْرِ” (gubahan puisi) dan “naqd al-kalām” “نَقْدُ الْكَلَامِ” (kritikan ungkapan). Badāwīy Ṭabānaṭ berkata: “Para ulama silam “أَقْدَمَاءُ” menamai ilmu balaghah dan yang berkaitan dengannya sebagai naqd al-syi‘r “نَقْدُ الشِّعْرِ”, ṣan‘at al-syi‘r “صَنْعَةُ الشِّعْرِ” dan naqd al-kalām “نَقْدُ الْكَلَامِ”, seperti mana yang kita lihat dalam kitab *al-Ṣinā‘atayn* karya Abū Hilāl al-‘Askariy, begitu juga kitab *Naqd al-Syi‘r* karangan Qudāmaṭ bin Ja‘far.

Fenomena ini berlarutan sehingga muncul seorang pakar dalam bidang balaghah pada awal abad ke-7 Hijrah, iaitu Abū Ya‘qūb al-Sakkākīy, beliau

¹ Lihat: Māzin al-Mubārak, *al-Mūjāz Fī Tārīkh al-Balāghat*, hlm 106-107

² Ibid, hlm. 10

merupakan orang pertama yang membahagi bidang ini kepada tiga bahagian dan mem bahasnya dengan terperinci dan berasingan. Mengikut beliau ilmu balaghah terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu ilmu ma‘ānī, ilmu bayān dan ilmu yang mengkaji tentang teknik memperindahkan ungkapan yang kemudiannya diistilahkan sebagai ilmu badī‘. Ini dapat dilihat dalam karyanya *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Ketiga-tiga pembahagian ini masing-masing mempunyai cabang-cabang perbahasannya yang tersendiri. Keteranganannya seperti berikut:

Ilmu ma‘ānī mencakup perbahasan-perbahasan berikut, iaitu:

- i. al-Isnād al-khabariy " أَلِإِسْنَادُ الْخَبَرِيِّ "
- ii. al-Musnad ilayh " الْمُسْنَدُ إِلَيْهِ "
- iii. al-Musnad " الْمُسْنَدُ "
- iv. Muta‘allaq al-fi‘il " مُتَعَلِّقُ الْفِعْلِ "
- v. al-Qaṣr " الْقَصْرُ "
- vi. al-Inṣyā’ " الْإِنْشَاءُ "
- vii. al-Faṣl " الْفَصْلُ "
- viii. al-Waṣl " الْوَصْلُ "
- ix. al-Ījāz " الْإِيْجَازُ "
- x. al-Iṭnāb " الْإِطْنَابُ "
- xi. al-Musāwat " الْمُسَاوَةُ "

Cabang-cabang ilmu ma‘ānī ini akan dibincangkan dalam bab lima, ceraiian 5.2

Adapun **ilmu bayān** maka perbahasannya mencakupi aspek-aspek berikut:

- i. al-Tasybīh " التَّشْبِيْهُ "

- ii. al-Ḥaqīqat " الْحَقِيقَةُ "
- iii. al-Majāz " الْمَجَازُ "
- iv. al-Isti'ārat " الْإِسْتِعَارَةُ "
- v. al-Kināyat " الْكِنَايَةُ "

Cabang-cabang ilmu bayān ini akan dibincangkan dalam bab lima, ceraihan 5.3

Sementara **ilmu badi'** pula al-Sakkākiy membahagikannya kepada dua bahagian, iaitu ma'nawīy dan lafzīy. Perbahasan **badī' ma'nawīy** mencakupi aspek-aspek berikut:

- i. al-Muṭābaqat " الْمُطَابَقَةُ "
- ii. al-Muqābalat " الْمُقَابَلَةُ "
- iii. al-Musyākalat " الْمُشَاكَلَةُ "
- iv. Murā'at al-nazīr " مُرَاعَاةُ النَّظِيرِ "
- v. al-Muzāwajat " الْمُزَاوَجَةُ "
- vi. al-Laff " اللَّفُّ "
- vii. al-Nasyr " النَّشْرُ "
- viii. al-Jam' " الْجَمْعُ "
- ix. al-Tafriq " التَّفْرِيقُ "
- x. al-Taqsīm " التَّقْسِيمُ "
- xi. al-Jam' ma'a al-tafriq " الْجَمْعُ مَعَ التَّفْرِيقِ "
- xii. al-Ja' ma'a al-taqsīm " الْجَمْعُ مَعَ التَّقْسِيمِ "
- xiii. al-Jam' ma'a al-tafriq wa al-taqsīm " الْجَمْعُ مَعَ التَّفْرِيقِ وَالتَّقْسِيمِ "
- xiv. al-Īhām " الْإِيهَامُ "
- xv. Ta'kid al-madh bimā yusybih al-dhamm " تَأْكِيدُ الْمَدْحِ بِمَا يُشْبِهُ الدَّمَّ "

- xvi. al-Tawjīh " التَّوْجِيْهِ "
- xvii. al-I‘tirād " الاِعْتِرَاضُ "
- xviii. al-Istibā‘ " الاسْتِيبَاعُ "
- xix. Taqlīl al-Lafzīy wa lā taqlīluh " تَقْلِيْلُ اللَّفْظِ وَلَا تَقْلِيْلُهُ "

Sedangkan **badī‘ lafziy** pula perbahasannya meliputi:

- i. al-Tajnīs " التَّجْنِيْسُ "
- ii. al-tajnīs al-tāmm " التَّجْنِيْسُ التَّامُّ "
- iii. al-Tajnīs al-nāqis " التَّجْنِيْسُ النَّاقِصُ "
- iv. al-Tajnīs al-mudzayyal " التَّجْنِيْسُ الْمُذَيَّلُ "
- v. al-Tajnīs al-muḍāri‘ " التَّجْنِيْسُ الْمُضَارِعُ " atau dinamakan juga al-Tajnīs al-Muṭarrif " التَّجْنِيْسُ الْمُطَرِّفُ "
- vi. al-Tajnīs al-lāhiq " التَّجْنِيْسُ اللَّاحِقُ " tajnis ini dinamakan juga sebagai “al-Tajnīs al-taṣḥīf” " التَّجْنِيْسُ التَّصْحِيْفُ "
- vii. al-Tajnīs al-muzdawaj " التَّجْنِيْسُ الْمُزْدَوَجُ "
- viii. al-Tajnīs al-mukarrar” " التَّجْنِيْسُ الْمُكْرَّرُ "
- ix. al-Tajnīs al-muraddid” " التَّجْنِيْسُ الْمُرَدَّدُ "
- x. al-Tajnīs al-musyawwisy " التَّجْنِيْسُ الْمُشَوِّشُ "
- xi. al-Tajnīs al-mutasyābih " التَّجْنِيْسُ الْمُتَشَابِهُ "
- xii. al-Asyjā‘ " الأَسْجَاعُ "
- xiii. al-Tarṣī‘ " التَّرْصِيْعُ "

Cabang-cabang ilmu badī‘ ini akan dibincangkan dalam bab lima, ceraian 5.4

2.3 Peranan Ilmu Balaghah dan Kedudukannya Dalam Bahasa Arab

Sebagaimana yang sedia maklum bahawa ilmu-ilmu bahasa saling ada kaitan antara satu sama lain. Ilmu nahu misalnya berfungsi untuk mengelak daripada kesilapan dari segi fleksi (i‘rab). Ilmu şaraf menjaga perkataan daripada kesalahan pada polanya. Ilmu ‘arūd (prosodi) dan qāfiyat (rima) pula menjaga musik syair pada nazamnya. Sedangkan ilmu balaghah berfungsi untuk menjaga kesesuaian penggunaan sesuatu ungkapan pada tempatnya serta menyampaikan maksud dengan penyampaian yang jelas dengan ungkapan yang betul dan fasih serta menjaga situasi di sekelilingnya.¹

Ilmu bayān mengkaji tentang bagaimana mengungkapkan kata dan mempelbagaikannya, supaya dapat mewujudkan suatu maksud yang jelas, ilmu ma‘ānī mengkaji tentang bagaimana merangkaikan kata untuk melahirkan suatu makna yang tepat dalam pelbagai keadaan, supaya dapat mencapai suatu maksud yang sempurna, sementara ilmu badī‘ pula mengkaji tentang bagaimana menciptakan suatu bentuk kata yang indah, supaya dapat melahirkan suatu keindahan pada makna.²

Aḥmad Muştafā al-Marāghīy berkata: “Sesungguhnya kedudukan ilmu bayān dalam ilmu bahasa Arab bagaikan posisi kepala pada seorang insan atau laksana mutiara pada kalung emas yang berharga”.³ Begitulah fungsi dan kedudukan ilmu balaghah dalam ilmu bahasa Arab. Ia sangat penting dimiliki oleh sesiapa yang hendak mempelajari dan memahami keajaiban dan rahsia-rahsia yang terkandung dalam al-Quran al-Karim.

¹ ‘Abd ‘Azīz ‘Atīq, *‘Ilm al-Ma‘ānī*, hlm. 10

² Māzin al-Mubārak, *al-Mūjaz Fī Tārikh al-Balāghat*, hlm. 117

³ al-Marāghīy, Aḥmad Muştafā, *‘Ulūm al-Balāghat*, hlm. 3

al-Quran al-Karim ialah kalam Allah (s.w.t.) dan mukjizat yang dapat melemahkan makhluk, sama ada dari segi uslubnya, susunannya, keindahan bahasanya, penjelasannya, pengetahuan dan hikmah-hikmah yang terkandung di dalamnya, keberkesanan ajarannya, begitu juga dari segi pendedahan tentang rahsia-rahsia pada masa silam dan masa yang akan datang.¹ Ia adalah satu-satunya mu'jizat Islam yang paling besar sekali, tiada satu karya dalam bentuk apapun yang mampu menandinginya, sama ada dari segi bahasanya mahupun dari segi isi kandungannya, sehingga dapat menenangkan jiwa dan menarik hati sanubari para pembaca dan pendengarnya.

Betapa ramainya orang jahiliah yang memeluk agama Islam setelah mendengar ayat-ayat al-Quran al-Karim kerana keindahan dan ketinggian mutu bahasanya. Mungkin inilah antara faktor yang menyebabkan sesetengah para pengkaji daripada golongan orientalis berkata: “Sesungguhnya orang-orang yang telah beriman itu hanya mereka beriman kerana kefasihan bahasa al-Quran dan ketinggian martabatnya, kerana sifat-sifat yang terkandung di dalamnya dapat mempersonakan hati sanubari para pendengarnya”.²

Dengan bukti tersebut dapat dikatakan bahawa betapa agungnya martabat al-Quran al-Karim dan betapa fasihnya bahasa yang digunakan di dalamnya. Walau bagaimanapun keajaiban dan rahsia-rahsia yang terkandung dalam al-Quran al-Karim itu tidak akan dapat diketahui tanpa memiliki kemahiran dalam bidang balaghah, kerana ilmu balaghahlah yang ampuh untuk dijadikan sebagai alat yang dapat

¹ al-Šābbūnīy, Muḥammad ‘Alīy, *al-Tibyān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, hlm. 98

² Muḥammad ‘Izzaḍ Durūzaṭ, *‘Aṣr al-Nabawīy Wa Bī‘atuh Qabl al-Bi‘that*, hlm. 65

mengkaji dan mampu menggali segala rahsia tersebut. Oleh itu, Abū Hilāl al-‘Askariy (395 H / 1005 M) dalam karyanya *al-Sinā‘atayn*” berkata:

«اعْلَمْ عِلْمَكَ اللَّهُ الْخَيْرَ، وَذَلِكَ عَلَيْهِ، وَفَيْضُهُ لَكَ، وَجَعَلَكَ مِنْ أَهْلِهِ أَنْ أَحَقَّ الْعُلُومِ بِالتَّعَلُّمِ، وَأَوْلَاهَا بِالتَّحْفُظِ — بَعْدَ الْمَعْرِفَةِ بِاللَّهِ جَلَّ ثَنَاؤُهُ — عِلْمُ الْبَلَاغَةِ، وَمَعْرِفَةُ الْفَصَاحَةِ، الَّذِي بِهِ يُعْرَفُ إِعْجَازُ كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى، النَّاطِقِ بِالْحَقِّ، الْهَادِي إِلَى سَبِيلِ الرُّشْدِ، الْمَدْلُولِ بِهِ عَلَى صِدْقِ الرِّسَالَةِ وَصِحَّةِ النُّبُوءَةِ» «وَقَدْ عَلِمْنَا أَنَّ الْإِنْسَانَ إِذَا أَغْفَلَ عِلْمَ الْبَلَاغَةِ، وَأَخْلَلَ بِمَعْرِفَةِ الْفَصَاحَةِ لَمْ يَقَعْ عِلْمُهُ بِإِعْجَازِ الْقُرْآنِ مِنْ جِهَةِ مَا خَصَّهُ اللَّهُ بِهِ مِنْ حُسْنِ التَّأْلِيفِ، وَبِرَاعَةِ التَّرْكِيبِ، وَمَا شَحَنَهُ بِهِ مِنَ الْإِيْجَازِ الْبَدِيعِ، وَالِإِخْتِصَارِ اللَّطِيفِ، وَضَمَّنَهُ مِنَ الْحَلَاوَةِ، وَجَلَّلَهُ مِنْ رَوْتِقِ الطَّلَاوَةِ، مَعَ سُهُولَةِ كَلِمِهِ وَجَزَالَتِهَا، وَعَدُوِّيَّتِهَا وَسَلَاسَتِهَا إِلَى غَيْرِ ذَلِكَ مِنْ مَحَاسِنِهِ الَّتِي عَجَزَ الْخَلْقُ عَنْهَا، وَتَحَيَّرَتْ عُقُولُهُمْ فِيهَا».

Maksudnya:

“Ketahuilah, semoga Allah (s.w.t.) mengajarmu kebaikan, memberi petunjuk kepadamu, melimpahkan rahmat kepadamu, menjadikan kamu sebagai orang yang berilmu, sesungguhnya ilmu yang paling mustahak dipelajari dan paling utama untuk dihafal –setelah mengenal Allah (s.w.t.) Yang Maha Tinggi kepujiannya- adalah ilmu balaghah dan mengenali faṣahaṭ, yang dengan balaghah dan faṣahaṭ itu dapat mengetahui rahsia dan keajaiban al-Quran al-Karim, iaitu sebuah kitab yang menyampaikan sesuatu dengan benar, petunjuk ke jalan yang benar, yang membuktikan kebenaran ajaran Islam dan kebenaran kenabian”..... “Sesungguhnya kita telah mengetahui bahawa seseorang itu apabila lalai dari ilmu balaghah dan tidak mengenali faṣahaṭ maka dia tidak sampai ilmunya untuk mengetahui rahsia dan keajaiban al-Quran al-Karim yang telah dikhususkan oleh Allah (s.w.t.) sama ada dari segi

keindahan kecekapan dan keunggulan susunannya, begitu juga apa yang terkandung di dalamnya dari segi ringkasan yang mengagumkan, ikhtisar yang halus, kandungan yang menyenangkan, serta perkataan yang mudah dan fasih, segar, menarik, mempesona dan lain-lain dari segi keindahannya sehingga ia dapat melemahkan makhluk untuk menandinginya dan membuat mereka kebingungan”.¹

al-Jurjānīy (401 H – 471 H atau 474 H / 1011 M – 1081 M atau 1084 M menyifatkan ilmu bayan sebagai suatu pengetahuan yang sangat penting dimiliki dan mempunyai kedudukan yang paling mulia, beliau berkata:

“...لَا تَرَى عِلْمًا هُوَ أَرْسَخَ أَصْلًا وَأَبْسَقَ فَرْعًا وَأَحْلَى جَنَى وَأَعَذَبَ وِرْدًا وَأَكْرَمَ نَتَاجًا وَأَثْوَرَ سِرَاجًا
مِنْ عِلْمِ الْبَيَانِ الَّذِي لَوْلَاهُ لَمْ تَرَ لِسَانًا يَحْوِكُ الْوَشْيَ وَيَصُوغُ الْحَلِيَّ وَيَلْفِظُ الدَّرَّ وَيَنْفُثُ السَّحَرَ...”

Maksudnya:

“...Tidak kamu lihat ilmu yang sangat kukuh dasarnya, sangat subur cabangnya, sangat manis buahnya, sangat segar sumbernya, sangat mulia hasilnya, sangat bercahaya pelitanya melainkan ilmu bayān, yang apabila ilmu ini tidak dimiliki nescaya tidak didapati bahasa yang tersusun rapi, ungkapan yang indah dan tidak pula dapat melahirkan ungkapan yang menarik...”²

¹ Lihat: Abū Hilāl al-‘Askariy, *al-Ṣinā’atayn*, hlm. 1-3

² ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy, *Dalā’il al-I’jāz*, (Ed): Maḥmūd Muḥammad Syākir, hlm. 5-6

Begitu juga al-Zamakhshariy¹ (467 H – 538 H / 1075 M – 1144 M) dalam karyanya *al-Kasysyāf* berkata:

"... إِنَّ أَمَلًا الْعُلُومِ بِمَا يَعْمُرُ الْقَرَائِحَ وَأَنْهَضَهَا بِمَا يَبْهَرُ الْأَلْبَابَ الْقَوَارِحَ مِنْ غَرَائِبِ نَكْتِ يَلْطَفُ مَسَلَكَهَا وَمُسْتَوْدَعَاتِ أَسْرَارِ يَدُقُّ سَلَكَهَا عِلْمُ التَّنْسِيرِ الَّذِي لَا يُتَمُّ لِتَعَاطِيهِ وَإِجَالَةِ النَّظَرِ فِيهِ كُلُّ ذِي عِلْمٍ، وَلَا يَغُوصُ عَلَى تِلْكَ الْحَقَائِقِ إِلَّا رَجُلٌ قَدْ بَرَعَ فِي عِلْمَيْنِ مُخْتَصِّينَ بِالْقُرْآنِ، وَهُمَا عِلْمَا الْمَعَانِي وَالْبَيَانِ".

Maksudnya:

“.....Sesungguhnya ilmu yang paling sarat dengan pelbagai rahsia yang rumit di tempuh, paling padat dengan kandungan rahsia yang pelik, yang membuat watak dan otak manusia menjadi lemah untuk memahaminya adalah ilmu tafsir, yakni ilmu yang sangat sukar untuk dijangkau dan dikaji oleh orang yang berstatus alim sekalipun.... Dan tidak akan mampu untuk menyelam ke kedalaman hakikat pemahaman tersebut kecuali seseorang yang memiliki kemahiran dalam dua ilmu khusus yang berkaitan dengan al-Quran, iaitu ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān”.²

Ayat-ayat al-Quran al-Karim secara keseluruhannya sarat dengan aspek-aspek balaghah, walau bagaimanapun di sini penulis memetik salah satu daripadanya sebagai contoh untuk membuktikan bahawa ilmu balaghah adalah alat yang paling

¹ al-Zamakhshariy ialah Abū al-Qāsim Maḥmūd, dilahirkan di Zamakhsyar pada tahun 467 H / 1075 M, tokoh dalam bidang bahasa, nahu, bayan dan tafsir, beliau bermazhab mu‘tazilah dalam bidang akidah dan sangat anti terhadap ahli sufi. Antara karangan beliau ialah “al-Kasysyāf Fi Tafsīr al-Qur’ān”, “Asās al-Balāghat”, “al-Mufaṣṣal”, “al-Fā’iq Fī Gharīb al-Hadīth”, “Aṭwāq al-Dhabab” dan “Nawābigh al-Kalim”. Beliau meninggal dunia pada tahun 538 H / 1144 M.

² al-Zamakhshariy, *al-Kasysyāf*, jil:1, hlm. 96

penting untuk menggali rahsia-rahsia yang terkandung di dalamnya. Allah (s.w.t.) berfirman:

﴿ وَقِيلَ يَا أَرْضُ ابْلَعِي مَاءَكِ وَيَسْمَاءُ أَقْلَعِي وَغِيضَ الْمَاءِ وَقُضِيَ الْأَمْرُ وَأَسْتَوَتْ عَلَى الْجُودِيِّ
﴿ وَقِيلَ بُعْدًا لِلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴾

Maksudnya:

“Dan diperintahkan: "Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit (hujan) berhentilah," dan airpun disurutkan, perintahpun dilaksanakan dan bahtera itupun berlabuh di atas gunung Jūdīy,¹ dan dikatakan: "Binasalah orang-orang yang zalim".²

Ayat ini mempunyai sejarah yang tersendiri, sama ada dari segi cerita yang terkandung di dalamnya, mahupun dari sudut penggunaan bahasa dalam penyampaian cerita tersebut. Diriwayatkan bahawa “ Ibn al-Muqaffa‘ (142 H / 759 M) ”³ di mana beliau adalah seorang yang paling fasih berbahasa pada eranya, beliau hendak melawan al-Quran al-Karim, lantas menyusun kata dan kalimat serta menjadikannya sebagai surah-surah pendek, pada suatu hari beliau berjalan dengan seorang budak lantas mendengar budak itu membaca ayat ini, lalu beliau balik ke rumahnya dan memadamkan apa yang telah ditulis seraya berkata: “ Aku bersaksi sesungguhnya ayat ini sama sekali tidak mampu dilawan, ini bukan ungkapan manusia”

¹ Gunung Judī terletak di Armenia sebelah selatan, berbatasan dengan Mesopotamia

² Surah Hūd (11): 44

³ Ibn al-Muqaffa‘ ialah Abd Allāh bin al-Muqaffa‘ (142 H / 759 M), penulis Arab asal Farisi, menukil bahasa dari al-Bahlawiyah ke dalam bahasa Arab kitab “Kalīlat Wa Dimnat”. Antara karyanya ialah “al-Adab al-Kabīr” dan “al-Adab al-Saghīr” (al-Munjid, hlm. 14

Dalam ayat ini mengandungi aspek-aspek ilmu bayān seperti pada firman Allah (s.w.t.) ﴿ يَا سَمَاءُ ﴾ (wahai langit) yang dimaksud di sini adalah “hujan langit”. Ini dinamakan dalam istilah ilmu bayān sebagai majāz “مَجَازٌ”, di mana perkataan ini telah digunakan bukan mengikut pengertian asalnya dalam komunikasi tetapi mengikut kewajarannya.¹ Begitu juga isti‘ārat. Dalam ayat ini dipinjamkan “meresap air ke dalam bumi” bagi “menelan”, di mana “menelan” itu adalah suatu proses daya tarikan pada makanan yang dimakan, persamaan antara keduanya ialah “menghilang ke tempat yang tersembunyi”. Kemudian dipinjamkan pula “air” bagi “makanan” menerusi jalan “isti‘ārat bi al-kināyat”² kerana ada persamaan antara “air” dengan “makanan”, di mana air itu dapat menguatkan bumi pada menyuburkan tumbuh-tumbuhan sebagaimana makanan itu dapat menguatkan badan bagi yang memakannya.³

Dari sudut ilmu ma‘ānī pula, Allah (s.w.t.) menyebut perkataan: ﴿ الْمَاءُ ﴾ (air) dan ﴿ الْأَمْرُ ﴾ (perintah) tidak menyebut “مَاءُ طُوفَانَ السَّمَاءِ” (air bah dari langit) dan tidak menyebut: “أَمْرُ نُوحٍ” (perintah Nuh) untuk tujuan ikhtisar (ringkas) kerana ia memadai dengan menggunakan fungsi ism ma‘rifat (kata nama khas) yang boleh mencapai maksud yang sama. Ayat seperti ini dalam istilah ilmu ma‘ānī disebut “Ījāz” “إيجاز”⁴.

Dilihat dari segi susunan ayat pula didahulukan “nidā” (panggilan) daripada “amar” (perintah) dalam firman Allah (s.w.t.): ﴿ يَا أَرْضُ أَبْلِعِي ﴾ (Wahai bumi telanlah)

¹ Lihat: Muḥammad ‘Alīy al-Ṣābūnīy, *Ṣafwat al-Tafāsīr*, jil. 2, hlm. 18

² Isti‘ārat al-makniyyat ialah isti‘arat yang digugurkan musyabbah bih, tetapi disebutkan salah satu sifat musyabbah bihnya (Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab, hlm. 13)

³ Lihat: Abū Ya‘qūb al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 528

⁴ Ījāz ialah Gaya bahasa yang mengandungi pengertian yang luas dengan perkataan yang pendek, padat yang jelas (Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab, hlm. 50)

dan ﴿ يَا سَمَاءُ أَقْلَعِي ﴾ (Wahai langit hentikanlah) tidak mengatakan “أَبْلَعِي يَا أَرْضُ” (Telanlah wahai bumi) dan “أَقْلَعِي يَا سَمَاءُ” (Hentikanlah wahai langit) kerana sesuai dengan kehendak yang biasa didahulukan yang diperintah, untuk mengukuhkan perintah yang akan mengiringinya pada diri yang dipanggil supaya dapat memberi maksud yang sempurna. Seterusnya, didahulukan perintah kepada bumi daripada perintah kepada langit kerana kejadian banjir itu bermula dari bumi, maka yang asal lebih utama untuk didahulukan.¹ Ini termasuk dalam bab taqdīm “تَقْدِيمٌ” dan ta’khīr “تَأْخِيرٌ”.

Dilihat dari sudut ilmu badī‘ pula, khususnya dalam firman Allah (s.w.t.): ﴿ يَا أَرْضُ أَبْلَعِي مَاءَكَ وَيَا سَمَاءُ أَقْلَعِي ﴾ (Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit hentikanlah) terdapat perkataan: “أَرْضُ” (bumi) dan “سَمَاءُ” (langit), pertemuan dua perkataan yang berlawanan seperti ini dalam istilah ilmu badī‘ disebut dengan al-ṭibāq “الطَّبَاقُ”. Sedangkan perkataan: “أَبْلَعِي” (Telanlah) dan “أَقْلَعِي” (Hentikanlah) adalah dalam istilah ilmu badī‘ dinamakan sebagai al-jinās al-nāqīṣ “الْجِنَاسُ النَّاقِصُ”,² atau disebut juga sebagai jinās ghayr al-tāmm “جِنَاسٌ غَيْرِ التَّامِّ”, iaitu jinās yang dua lafaznya berbeza pada salah satu unsur al-jinās al-tāmm “الْجِنَاسُ التَّامُّ” (al-jinās yang sempurna).³

Bahkan bukan hanya setakat ini sahaja, tetapi juga ayat ini sarat dengan aspek-aspek ilmu badī‘, sehingga Abū Ḥayyān⁴ (654 H - 745 H / 1256 M–1344M) berkata:

¹ Abū Ya‘qūb al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, (Ed): ‘Abd al-Ḥamīd al-Hidāwīy, hlm. 527 - 530

² Muḥammad ‘Alīy al-Ṣābūnīy, *Ṣafwat al-Tafāsīr*, jil. 2, hlm. 18

³ al-Jinās al-tāmm ialah jinās yang dua lafaznya serupa dari segi jenis, bentuk, bilangan serta susunan hurufnya.

⁴ Beliau ialah Abū Ḥayyān al-al-Gharnāṭīy, ahli bahasa bangsa Indulis, dilahirkan di Gharnāṭah dan meninggal dunia di Kaḥerah. Antara karyanya ialah “Manhaj al-Sālik Fī al-Kalām ‘Alā Alfīyat Ibn Mālik” Baḥr al-Muḥīṭ” dan “al-Idrāk li al-Lisān al-Atrāk” (al-Munjid, hlm. 18

“Dalam ayat ini terdapat dua puluh satu bahagian yang berkaitan dengan *badi‘*.¹ Walau bagaimanapun tiada keterangan yang terperinci tentang kenyataan tersebut.

Berdasarkan kenyataan di atas dapat dikatakan bahawa ilmu *balaghah* adalah suatu ilmu yang paling tinggi kedudukannya dan berkait rapat dengan ilmu agama Islam, kerana ia memainkan peranannya dalam bidang pentafsiran al-Quran al-Karim dan berfungsi untuk mendedahkan rahsia-rahsia yang terkandung di dalamnya. Dengan lain perkataan, ilmu *balaghah* adalah merupakan ilmu asas yang mesti dimiliki oleh para pentafsir al-Quran al-Karim, kerana melalui ilmu *balaghah* pentafsiran al-Quran al-Karim dapat mencapai matlamatnya secara mantap dan sempurna.

2.4 Sejarah Ringkas Pertumbuhan Ilmu Balaghah.

Aspek-aspek *balaghah* telah wujud sejak zaman pra-Islam dalam puisi dan pidato bangsa Arab. Pasar ‘*Ukāz*, *Majannaṭ* dan *Dhū al-Majāz* merupakan pusat kegiatan mereka dalam bidang bahasa, di sinilah mereka saling bertukar fikiran, berlomba dan bersaing untuk dinilai siapakah antara mereka yang paling bijak dalam berbahasa, terutamanya dalam bidang puisi, begitu juga dalam bidang pidato. Malah ada antara mereka yang menganggap anak-anaknya bukan bangsa Arab sekiranya mereka tidak mahir dalam bidang tersebut.²

Dengan kesungguhan para penyair pada masa itu, maka ada antara mereka yang digelar *al-muhalhil* "المُهَلِّهِلُ", *al-muraqqisy* "المُرَقِّشُ", *al-muthaqqib* "المُتَقَبِّبُ", *al-mutanakhkhil* "المُتَنَخِّلُ", *al-afwah* "الأَفْوَهُ" dan *al-nābighaṭ* "النَّابِغَةُ". Gelaran-gelaran ini diperoleh berdasarkan kehandalan mereka. Begitu juga puisi-puisi mereka, ada yang

¹ Muḥammad ‘Alīy al-Sābūnīy, *Ṣafwat al-Tafāsīr*, hlm. 18

² Lihat: Aḥmad Ibrāhīm, *Makkaṭ Wa al-Madīnaṭ Fī al-Jāhiliyyaṭ Wa ‘Ahd al-Rasūl*, hlm. 84-86

dinamakan al-ḥawliyyāt "الْحَوَلِيَّاتُ", al-muqalladāt "المُقَلَّدَاتُ", al-munaqqahāt "الْمُنَقَّحَاتُ" dan al-muḥkamāt "المُحْكَمَاتُ". Nama-nama ini diberikan mengikut mutu puisi-puisi itu sendiri.¹

Di Pasar ‘Ukāz telah dibina sebuah kubah berwarna merah untuk ditempatkan al-Nābighaṭ al-Dzubyānīy² (604 M). Para penyair datang menjumpai beliau di bawah kubah tersebut untuk mendeklamasikan puisi mereka masing-masing, kemudian beliau menilai siapakah antara mereka yang paling mahir dalam bidang tersebut.³

Diceritakan bahawa al-Nābighaṭ al-Dhubyānīy mengutamakan al-A‘syā daripada Ḥassān bin Thābit⁴ dan mengutamakan al-Khansā’⁵ daripada sekalian kaum wanita, lantas Ḥassān bin Thābit menjadi marah dan tidak setuju atas keputusan itu, seraya berkata kepada al-Nābighaṭ: Demi Tuhan aku lebih handal daripada engkau dan daripada al-Khansā’ dalam bidang puisi. al-Nābighaṭ berkata: Puisi engkau yang mana ?, lantas Ḥassān mendeklamasikan puisinya di hadapan al-Nābighaṭ dengan katanya:

لَنَا الْحَفَنَاتُ الْعُرُ يُلْمَعْنَ بِالضُّحَى ❖ وَأَسْيَافُنَا يَقْطُرْنَ مِنْ نَجْدَةٍ دَمًا
وَلَدْنَا بَنِي الْعَنْفَاءِ وَأَبْنِي مُحَرِّقٍ ❖ فَأَكْرَمُ بِنَا خَالًا وَأَكْرَمُ بِنَا ابْنَمًا

¹ Lihat: Syawqiy Dayf, *al-Balāghat, Taṭawwur Wa Tārīkh*, hlm. 10

² Beliau ialah seorang penyair terkenal pada masa jahiliyah, beliau pemeluk agama nasraniy (kristian), meninggal dunia pada tahun 604 Masehi (Lihat: Lawis Ma‘lūf, *al-Munjid wa al-I‘lām*, hlm. 567)

³ Lihat: al-Aṣfihānīy, Abū Farj, *Kitab al-Aghānīy*, jil. 9, hlm. 340

⁴ al-Ḥassān bin Thābit adalah salah seorang penyair “mukhaḍram” iaitu penyair yang hidup pada dua zaman; zaman jahiliyah dan zaman Islam, penduduk Madinah. Beliau memiliki puisi-puisi pujian pada Zaman Jahiliyah. Setelah memeluk Agama Islam beliau bergelar sebagai “Penyair Nabi (s.a.w.). Beliau memiliki puisi-puisi mencela orang-orang Quraisy dan beliau juga memiliki “Diwan” iaitu buku himpunan puisi. (Lawis Ma‘lūf, *al-Munjid Wa al-I‘lām*, Bahagian al-I‘lām, hlm. 220)

⁵ Nama sebenar al-Khansā’ ialah Tumāḍir binti ‘Amrū bin al-Hārith bin Syarīd, seorang penyair wanita terkenal pada zaman pra-islam, manakala datang agama islam beliau dan kaumnya datang kepada Rasul Allah (s.a.w.) untuk masuk islam. Beliau mempunyai antologi yang mengandungi puisi ratapan, kerana kedua saudaranya “Muawiyah” dan Sakhr” terbunuh, kemudian keempat-empat orang anaknya juga terbunuh dalam suatu pertempuran. Beliau meninggal dunia pada akhir zaman Khalifah Uthman, iaitu pada tahun 24 Hijrah

Maksudnya:

“Bagi kami cawan-cawan putih yang berkilauan di waktu Duha
Dan pedang-pedang kami menitis darah dalam peperangan
Kami telah melahirkan Banī al-‘Anqā’ dan keturunan Muḥarriq
Maka mulialah bapa saudara kami dan mulia pula anak-anak kami”

al-Nābighaṭ berkata: Engkau telah mengurangkan cawan-cawanmu itu dengan perkataan “الجَفَنَاتُ” (cawan-cawan), sekiranya engkau katakan “الجِفَانُ” tentu menunjukkan lebih banyak bilangannya. Engkau katakan “يَلْمَعْنَ فِي الضُّحَى” (berkilauan di waktu duha), sekiranya engkau katakan “يَبْرُقْنَ بِالذُّجَى” (bercahaya dalam gelap gelita) tentu lebih mendalam maksudnya dalam pujian, kerana tetamu di waktu malam lebih beraneka ragamnya. Engkau katakan “يَقْطُرْنَ” (menitis) darah yang menunjukkan sedikit pembunuhan, sekiranya engkau katakan “يَجْرَيْنَ” (mengalir) darah tentu menunjukan lebih banyak pembunuhan dalam peperangan. Engkau berbangga dengan orang yang engkau lahirkan, tetapi engkau tidak berbangga dengan orang yang telah melahirkanmu. Maka Ḥassān pergi dalam keadaan kalah dan kecewa.¹

Komen al-Nābighaṭ al-Dhubyānīy dalam peristiwa ini menunjukkan bahawa bangsa Arab pada masa jahiliah telah mengetahui bidang balaghah secara semulajadi walaupun pada masa itu belum ada suatu kaedah dan istilah tertentu. Mereka sangat mementingkan penggunaan perkataan yang betul dan sesuai dalam puisi mereka, sehingga dengan demikian akan mencapai maksud yang hendak disampaikan dengan sempurna. Peristiwa ini juga menunjukkan bahawa al-Nābighaṭ al-Dhubyānīy mempunyai kedudukan dalam kalangan penyair-penyair pada masa itu, di mana beliau

¹ Syawqiy Dayf, *al-Balāghaṭ Tatawwur Wa Tārīkh*, Ibid, hlm. 11.

bertindak sebagai pengadil dalam menilai dan menentukan bahawa seseorang penyair itu sama ada handal ataupun tidak. Dilihat dari segi lain pula para penyair pada masa itu saling merujuk antara satu sama lain. Kadangkalanya mereka saling mencabar dalam usaha mencapai darjat yang lebih tinggi dalam bidang bahasa.

Dalam al-Quran al-Karim Allah (s.w.t.) telah menggambarkan tentang kemahiran bangsa Arab dalam bahasa mereka dengan firmanNya:

﴿وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ ۖ وَإِنْ يَقُولُوا تَسْمَعُ لِقَوْلِهِمْ ۗ...﴾

Maksudnya:

“Dan apabila engkau melihat mereka, engkau tertarik hati kepada tubuh badan mereka dan apabila mereka berkata-kata, engkau juga (tertarik hati) mendengar tutur katanya (kerana kefasihannya)”¹

Ayat di atas menceritakan tentang kaum munafik yang diketuai oleh Ibn Salūl.² Mereka adalah antara golongan yang fasih berbahasa. Ibn ‘Abbās³ berkata: Ibn Salūl ketua munafik itu berbadan tegap dan fasih dalam berbahasa. Apabila dia bercakap maka Nabi (s.a.w.) mendengar ucapannya. Begitu juga para sahabat baginda, apabila mereka datang ke majlis Nabi (s.a.w.) maka anggota majlis tersebut berasa kagum kerana kefasihan bahasa mereka.⁴

¹ Surah al-Munāfiqūn: 63, ayat: 4

² Ibn Salūl ialah: ‘Abd Allah bin Ubay, Pembesar kaum munafik dan ketua kabilah al-Khazraj di Madinah Munawwarah, beliau meninggal dunia pada tahun 9 H / 630 M. (Lawis Ma‘lūf, al-Munjid wa al-I‘lām, hlm. 367)

³ Beliau ialah: ‘Abd Allah bin ‘Abbās, anak kepada bapa saudara Rasul Allah (s.a.w.), seorang perawi hadith beliau meninggal dunia pada tahun 68 H / 687 M (Lawis Ma‘lūf, al-Munjid wa al-I‘lām, hlm. 10)

⁴ Muḥammad ‘Alīy al-Ṣābbūnīy, *Ṣafwat al-Tafāsīr*, hlm. 336. dan al-Zamakhsyarīy, *al-Kasysyāf*, jil. 4, hlm. 101

Ayat di atas menunjukkan bahawa bangsa Arab sebelum Islam kebanyakan mereka terdiri daripada pakar-pakar bahasa Arab yang mahir dalam bidang balaghah secara semula jadi. Bukti yang kukuh yang menunjukkan bahawa mereka mahir dalam bidang balaghah ialah pemahaman mereka secara mendalam tentang kandungan al-Quran al-Karim dan rahsia yang terkandung di dalamnya dengan hanya mendengarnya semata-mata, sehingga ada antara mereka yang menganut agama Islam setelah mendengar ayat-ayat al-Quran al-Karim, seperti mana yang kita lihat dalam kisah Islamnya Saidina ‘Umar bin Khaṭṭab¹ (r.a.).²

Setelah datangnya agama Islam ruang tinjauan balaghah semakin luas, terutamanya dalam bahasa al-Quran al-Karim yang bermutu tinggi, penuh dengan uslub sastera dan balaghah, sehingga ia dapat melemahkan para sasterawan dan pakar-pakar bahasa Arab pada masa itu. Ini dapat dibuktikan dengan beberapa ayat berikut. Allah (s.w.t.) berfirman:

﴿ قُلْ لِّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَن يَأْتُوا بِمِثْلِ هَٰذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ
كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴾

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan

¹ Beliau adalah Amīr al-Mu'minīn, beliau terkenal dengan keadilannya, sentiasa merendah diri dan memadai dengan apa yang ada, sehingga beliau digelar dengan "al-Fārūq"

² Lihat: Muḥammad Ḥusain Haikal. t.th. *al-Fārūq 'Umar*, jil. 1, hlm. 42

yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri".¹

Dalam ayat ini Allah (s.w.t.) menyuruh rasulNya untuk meminta kepada para ahli bahasa pada masa itu supaya mereka mendatangkan sesuatu yang sama dengan al-Quran al-Karim, tetapi mereka berasa lemah dan tidak mampu mendatangkan apa yang diminta oleh Rasulullah (s.a.w.). Maka baginda mencabar lagi dengan meminta supaya mereka datangkan sepuluh surah sahaja yang sama dengan al-Quran al-Karim, dengan firmanNya yang berbunyi:

﴿ أَمْ يَقُولُونَ أَفْتَرَنَاهُ ۗ قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُوْرٍ مِّثْلِهِ مُفْتَرِيْنَ ۚ وَادْعُوا مَنِ اسْتَضَعْتُمْ مِّنْ دُوْنِ اللّٰهِ ۚ اِنْ كُنْتُمْ صٰدِقِيْنَ ﴿١٢﴾ فَاِلٰمَ يَسْتَجِيْبُوْا لَكُمْ فَاَعْلَمُوْا اَنْمَآ اُنزِلَ بِعِلْمِ اللّٰهِ ... ﴿١٤﴾ ﴾

Maksudnya:

Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: "Ia (Muhammad) yang mereka-reka al-Quran itu! " katakanlah (wahai Muhammad): "(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar". Oleh itu, jika mereka (penolong-penolong kamu) tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah yang sebanding dengan al-Quran), maka ketahuilah bahawa al-Quran itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah..."²

¹ Surah al-Isrā': 17, ayat: 88

² Surah Hūd (11): 13 - 14

Namun, mereka tidak juga mampu mendatangkannya. Akhirnya baginda disuruh oleh Allah (s.w.t.) supaya mencabar mereka dengan meminta mereka datangkan satu surah sahaja yang sebanding dengan al-Quran al-Karim dengan firmanNya yang berbunyi:

﴿ أَمْ يَقُولُونَ أَفْتَرَلَهُ ۗ قُلْ فَاتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا مَنِ اسْتَعْظَمْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣٨﴾ ﴾

Maksudnya:

(Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: "Dialah (Muhammad) yang mengada-adakan al-Quran menurut rekaannya". Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, yang lain dari Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar!"¹

Walau bagaimanapun mereka tidak mampu juga menyahut cabaran tersebut.

Maka baginda mencabar lagi mereka dengan firmanNya:

﴿ وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣٩﴾ ﴾

Maksudnya:

“Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan

¹ Surah Yūnus (10) : 38

datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.¹

Walaupun dicabar secara bertalu-talu tetapi mereka tetap tidak mampu menentangnya kerana ketinggian mutu bahasa al-Quran. Ini menunjukkan bahawa kesusasteraan bahasa al-Quran sungguh tiada tandingannya, sama ada dari segi uslub, susunan dan begitu juga dari segi balaghahnya.

Diriwayatkan bahawa al-Walīd bin al-Mughīrat salah seorang yang bermusuhan dengan baginda Rasul Allah (s.a.w.). Pada suatu hari beliau mendengar ayat al-Quran al-Karim yang dibaca oleh baginda Rasul Allah (s.a.w.). al-Walīd bin al-Mughīrat sangat kagum dengan bahasa al-Quran al-Karim tersebut, sehingga beliau berkata kepada Banī Makhzūm:

"وَاللّٰهُ لَقَدْ سَمِعْتُ مِنْ مُحَمَّدٍ أَنْفًا كَلَامًا مَا هُوَ مِنْ كَلَامِ الْإِنْسِ وَلَا مِنْ كَلَامِ الْجِنِّ، إِنَّ لَهُ لِحَلَاوَةً،
وَإِنَّ عَلَيْهِ لَطُلَاوَةً، وَإِنَّ أَعْلَاهُ لَمُثْمِرٌ، وَإِنَّ أَسْفَلَهُ لَمُعْدِقٌ، وَإِنَّهُ يَعْزُوبُ وَمَا يُعْلَى "

Maksudnya:

“Demi Allah sesungguhnya saya telah mendengar daripada Muhammad tadi suatu ungkapan yang bukan daripada ungkapan manusia dan bukan pula ungkapan daripada jin, baginya kemanisan, padanya keindahan, di atasnya berbuah, di bawahnya subur, sesungguhnya ungkapan itu sangat tinggi (mutunya), tiada yang lebih tinggi (daripadanya)”².

¹ Surah al-Baqarah (2): 23

² Lihat: al-Zamakhshariy, *al-Kasysyāf*, jil. 6, hlm. 256-257

Begitulah keindahan, ketinggian mutu dan kemujizatan yang terkandung dalam bahasa al-Quran al-Karim yang penuh dengan aspek-aspek balaghah, sehingga melemahkan para ahli bahasa pada masa itu. Ada antara mereka yang mengaku kalah dan terus memeluk agama Islam dan ada pula yang mengaku kalah tetapi tetap pada pendirian mereka kerana sombong dan angkuh.

Di samping itu Rasul Allah (s.a.w.) sendiri adalah seorang ahli bahasa Arab, bahasa dan tutur kata baginda penuh dengan aspek-aspek balaghah, baginda juga adalah orang yang paling fasih berbahasa dalam kalangan bangsa Arab, sebagai mana pengakuan baginda sendiri menerusi sabdanya:

"أَنَا أَفْصَحُ الْعَرَبِ بِيَدِ أُمَّيٍّ مِنْ قُرَيْشٍ"

Maksudnya:

“Saya bangsa Arab yang paling fasih, kerana saya berketurunan Quraisy”.¹

Pada zaman permulaan Islam mereka telah biasa menggunakan gaya bahasa balaghah dalam ungkapan mereka, seperti pada masa Nabi (s.a.w.) berhijrah ke Madinah al-Munawwarah, baginda diterima oleh penduduknya di sana dengan penuh kegembiraan, bersama mereka kaum wanita dan kanak-kanak, mereka menyambut baginda dengan mengalunkan:²

مِنْ ثَنِيَّاتِ الْوَدَاعِ	❖	طَلَعَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا
مَا دَعَى لِلَّهِ دَاعٍ	❖	وَجَبَّ الشُّكْرُ عَلَيْنَا

¹ Ibn al-Athīr, *al-Nihāyat Fī Gharīb al-Hadīth Wa al-Athr*, jil. 1, hlm. 171

² Sayfīy al-Rahmān Kafūriy, *al-Rahīq al-Makhtūm*, hlm. 107.

جئتُ بِالْأَمْرِ الْمُطَاعِ ❖ أَيُّهَا الْمُبْعُوثُ فِيْنَا
 مَرْحَبًا يَا خَيْرُ دَاعِ ❖ جئتُ شَرَّفَتِ الْمَدِينَةَ

Maksudnya:

“Bulan purnama telah muncul ke sisi kita

Dari lembah al-Wadā’.

Wajiblah kita mengucapkan kesyukuran

Di mana seruan adalah kepada Allah.

Wahai tuan yang diutuskan kepada kami

Tuan datang dengan seruan untuk dipatuhi

Tuan telah membawa pada bandar ini kemuliaan

Selamat datang penyeru terbaik ke jalan Allah.

Penduduk kota Madinah al-Munawwarah pada masa itu menggambarkan bahawa Nabi (s.a.w.) seolah-olah baginda bulan purnama, tetapi mereka tidak menyebutkan lafaz musyabbah,¹ iaitu “Nabi” (s.a.w.), mereka pinjamkan lafaz musyabbah bih,² iaitu “bulan purnama” bagi musyabbah dengan jalan isti’ārat taṣriḥiyyat yang dikenali pada hari ini.

Begitu juga para sahabat baginda, mereka kebanyakannya terdiri daripada para ahli bahasa yang menguasai gaya bahasa balaghah. Walau bagaimanapun, pada masa itu belumlah lahir istilah balaghah dan belum juga dibahas cabang-cabangnya, sehingga datangnya era penulisan. Pada peringkat awal perbincangan cabang-cabang

¹ Musyabbah ialah sesuatu yang dibandingkan dengan yang lain yang mempunyai ciri persamaan (Glosori bahasa dan Kesusasteraan Arab, hlm. 159)

² Musyabbah bih ialah sesuatu yang menjadi bahan musyabbah (Ibid)

ilmu balaghah bercampur baur dengan bidang-bidang lain, seperti bidang nahu, bidang sastra dan lain-lain, kerana pada masa itu ia belum ada suatu penulisan yang khusus tentang ilmu balaghah. Fenomena ini dapat dilihat dalam karya-karya awal, seperti dalam *al-Kitāb* karangan Sibawayh

Dalam *al-Kitāb* kita dapati bab yang berkaitan dengan *ijāz*, misalnya Sibawayh berkata:

”هَذَا بَابُ اسْتِعْمَالِ الْفِعْلِ فِي اللَّفْظِ لَا فِي الْمَعْنَى لِاتِّسَاعِهِمْ فِي الْكَلَامِ وَاللَّيْجَازِ وَالْإِخْتِصَارِ”

Maksudnya:

“Bab ini menerangkan tentang penggunaan kata kerja pada lafaz, bukan pada makna, kerana banyak terdapat pada ungkapan, supaya pendek dan ringkas”.

Sibawayh membuktikannya dengan firman Allah (s.w.t.):

﴿ وَسَأَلِ الْقَرْيَةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا وَالْعَيْرَ الَّتِي أَقْبَلْنَا فِيهَا وَإِنَّا لَصَادِقُونَ ﴾

Maksudnya:

“Dan tanyalah (penduduk) negeri yang kami berada disitu, dan kafilah yang kami datang bersamanya, dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar”.¹

Sibawayh berkata: “Sesungguhnya yang dimaksudkan “negeri” di sini adalah “penduduk negeri itu”. Banyak contoh-contoh lain dan ayat-ayat al-Quran al-Karim

¹ Surah Yūsuf (12): 82

yang beliau analisis dengan teori-teori ilmu balaghah, walaupun beliau tidak memberitahukannya.¹

Begitu juga tokoh-tokoh lain yang telah membahas aspek-aspek balaghah menerusi penulisan-penulisan mereka dalam bidang bahasa dan i'jāz al-Quran al-Karim, seperti Abū 'Ubaydaṭ (208 H / 823 M) menerusi karyanya "*Majāz al-Qur'ān*", Ibn Qutaybaṭ (276 H / 889 M) menerusi karyanya, "*Ta'wīl Musykil al-Qur'ān*", al-Rummānīy (386 H / 996 M) menerusi karyanya "*al-Jāmi' Fī 'Ilm al-Qur'ān*", al-Bāqillānīy (403 H / 1012 M) menerusi karyanya "*I'jāz al-Qur'ān*", al-Khaṭṭābīy (388 H / 998 M) menerusi karyanya "*Bayān I'jāz al-Qur'ān*", al-Zamakhsyarīy (467 H – 539 H / 1075 M – 1144 M) menerusi karyanya "*al-Kasysyāf*", al-Waṭwāṭ (573 H / 1177 M) menerusi karyanya "*Majmū'at Rasā'il*" dan banyak lagi tokoh-tokoh yang telah menyumbang ilmu mereka ke arah penyempurnaan bidang balaghah sehingga ia menjadi suatu ilmu yang khusus seperti yang kita lihat pada hari ini.

Menurut rujukan yang ada, istilah "al-balaghah" telah dikenali pada abad ke-2 Hijrah, seperti mana yang kita lihat dalam kitab *al-Bayān Wa al-Tabyīn* karya Abū 'Uthmān al-Jāhiz (255 H / 869 M), di mana beliau telah banyak memperkatakan tentang balaghah dan faṣāhah dengan pelbagai definisi dan komen para ulama silam.²

al-Jāhiz (255 H / 869 M) telah memperkatakan lebar panjang tentang definisi balaghah mengikut sasterawan Arab dan 'ajam, beliau mengemukakan definisi balaghah mengikut sasterawan Parsi (Iran), Yunani, Rom dan India, tanpa menyebut

¹ Lihat: Sibawayh, Abū al-Basyar 'Amr bin Uthmān bin Qanbar, *al-Kitāb, Kitāb Sībawayh*, jil. 1, hlm. 211-112

² Lihat: Abū 'Uthmān al-Jāhiz, *al-Bayān Wa al-Tabyīn*, jil. 1, hlm. 113

nama-nama mereka. Kemudian beliau mentafsirkan definisi balaghah mengikut Ja‘far bin Yahyā¹ (178 H / 794 M) dan Kalthūm bin ‘Amr al-‘Attābīy² (135 H – 220 H / 752 M – 835 M).³ Berdasarkan kepada sumber yang diberikan oleh al-Jāhiz maka tarikh kelahiran istilah balaghah tidak dapat dipastikan dengan tepat, kerana sasterawan ‘ajam yang dikemukakan oleh beliau tidak disebut siapakah mereka sebenarnya.

Sungguhpun begitu, dapat dikatakan bahawa istilah tersebut telah digunakan pada permulaan zaman Kerajaan Abbasiyah dan tersebar luas pada pertengahan zaman kerajaan tersebut. Kemudian istilah ini telah digunakan dalam penulisan-penulisan awal, seperti dalam *al-Bayān Wa al-Tabyīn* karya Abū ‘Uthmān al-Jāhiz dan dalam kitab *al-Šinā‘atayn* karya Abū Hilāl al-‘Askārīy (395 H / 1005 M).⁴ Kemudian istilah ini semakin popular sehingga pada abad ke-5 Hijrah seorang pakar balaghah bernama ‘Abd al-Qāhir al-Jurjāniy (471 H / 1078 M) telah menulis sebuah kitab yang berjudul *Asrār al-Balāghat*,

Meskipun istilah balaghah telah masyhur pada zaman al-Jāhiz, namun kajian bidang ini tetap masih bercampur baur dengan bidang-bidang yang lain, sehingga lahirlah sebuah kitab berjudul *al-Badī‘* karya ‘AbduLLāh bin al-Mu‘tazz bin al-Mutawakkal (247 H – 295 H / 861 M – 907 M). Kitab ini merupakan kitab pertama dalam bidang ilmu badī‘ yang membahas cabang-cabangnya secara ilmiah. Walau

¹ Beliau adalah seorang tokoh dalam kalangan Barāmikat, dilahirkan di Baghdād dan dibesarkan di sana, kemudian pada masa khalifah Harūn al-Rasyīd beliau dilantik sebagai menteri, jawatan ini berakhir dengan kemarahan khalifah terhadap kaum Baramikat, dan beliau terbunuh bersama-sama dengan beberapa orang kaumnya pada tahun 178 H / 794 M. Beliau pakar dalam bidang mantiq dan balaghah, beliau juga terkenal dengan dermawan dan keramahan.

² Beliau ialah Kalthūm bin ‘Amr, dari Bani Taghlib, seorang penyair, penulis, sasterawan dilahirkan pada tahun 135 H / 752 M, meninggal dunia pada tahun 230 H / 835 M. Ada yang berpendapat beliau meninggal dunia pada tahun 208 H.

³ Lihat: Abū ‘Uthmān al-Jāhiz, *al-Bayān Wa al-Tabyīn*, hlm. 113

⁴ Abū Hilāl al-‘Askārīy, *Kitāb al-Šinā‘atayn*, hlm. 6

bagaimanapun ilmu badī‘ dalam karya Ibn al-Mu‘tazz bukanlah ilmu badī seperti yang dimaksudkan pada hari ini.¹ Begitu juga dalam kitāb *al-Sinā‘atayn* karya Abū Hilāl al-‘Askarīy (396 H - 1005 M)² perbahasan balaghah dalam kitab tersebut bukanlah seperti perbahasan balaghah yang kita lihat pada hari ini.

Keadaan ini berubah setelah lahirnya kitab *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I’jāz* karya ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy (471H / 1078 M), di mana beliau telah mengasaskan dua cabang ilmu balaghah, iaitu ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān. Pada sekitar awal abad ke-7 Hijrah lahir pula kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* karya Abū Ya‘qūb al-Sakkākīy, iaitu seorang tokoh terkemuka dalam bidang balaghah dan bahasa Arab, beliaulah yang menyempurnakan perbahasan-perbahasan bidang balaghah yang telah terdahulu.

2.5 Pengasas Ilmu Balaghah

Ramai ulama Arab yang telah membahas tentang balaghah sejak abad ke-3 Hijrah, antara mereka ialah al-Jāhiz (225 H / 840 M), beliau merupakan orang yang pertama membahas ilmu balaghah dalam karyanya *al-Bayān wa al-Tabayīn*, tetapi perbahasan beliau masih sederhana dan belum teratur.

Kemudian muncul pula ‘AbduLlāh bin al-Mu‘tazz (296 H / 909 M), beliau telah menulis sebuah kitab berjudul *al-Badī‘*. Beliau membuka kalam menerusi kitabnya dengan berkata: “Sesungguhnya kami mengemukakan bab-bab kitab kami ini sebahagian yang kami dapati dalam al-Quran, dalam bahasa, dalam hadith-hadith Rasul Allah (s.a.w.) dalam ungkapan para sahabat, dalam ungkapan bangsa Arab,

¹ ‘Abd. al-‘Aziz ‘Atīq, *‘Ilm al-Ma‘ānī*, hlm. 17

² Lihat: Abū Hilāl al-‘Askarīy, *Kitāb Sinā‘atayn*, hlm. 293

dalam ungkapan bukan bangsa Arab dan dalam puisi-puisi penyair silam daripada ungkapan yang dinamakan oleh orang-orang zaman sekarang sebagai al-badī‘....”¹. Kitab ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membahas tentang al-badī‘, ia mencakupi lima perbahasan, iaitu:

- i. al-Isti‘āraṭ " الاستِعَارَةُ "
- ii. al-Tajnīs " التَّجْنِيسُ "
- iii. al-Muṭābaqaṭ " الْمُطَابَقَةُ "
- iv. Radd al-a‘jāz ‘alā mā taqaddamahā " رَدُّ الْأَعْجَازِ عَلَى مَا تَقَدَّمَهَا " dan
- v. al-Madzhab al-kalāmīy " الْمَذْهَبُ الْكَلَامِيَّ "

Sedangkan bahagian kedua membahas tentang keindahan ungkapan dalam sya‘ir, ia mencakupi tiga belas perbincangan, iaitu:

- i. al-Iltifāt " الْإِلْتِفَاتُ "
- ii. al-I‘tirāḍ " الْأَعْتِرَاضُ "
- iii. al-Rujū‘ " الرَّجُوعُ "
- iv. Ḥusn al-khurūj " حُسْنُ الْخُرُوجِ "
- v. Ta’kīd madaḥ bi mā yusybih al-dzamm " تَأْكِيدُ الْمَدْحِ بِمَا يُشْبِهُ الذَّمَّ "
- vi. Tajāhul al-‘ārif " تَجَاهُلُ الْعَارِفِ "
- vii. al-Hazl al-ladhīy yarudd bi hā al-jadd " الْمَهْذَلُ الَّذِي يُرَادُ بِهِ الْجِدُّ "
- viii. Husn al-taḍammun " حُسْنُ التَّضَمُّنِ "
- ix. al-Ta‘riḍ wa al-kināyat " التَّعْرِیْضُ وَالْكِنَايَةُ "
- x. al-Ifrād fī ṣifaṭ " الْإِفْرَادُ فِي الصِّفَةِ "
- xi. Ḥusn al-tasybīh " حُسْنُ التَّشْبِيهِ "

¹ Ibn al-Mu‘tazz, *al-Badī‘*, (Ed): Ignatius Krattchkovsky, hlm. 1

- xii. I'nāt al-syā'ir nafsih fī al-qawāfiy "إِعْنَاتُ الشَّاعِرِ نَفْسِهِ فِي الْقَوَافِي" dan
- xiii. Husn al-ibtida'āt "حُسْنُ الْإِبْتِدَائَاتِ".¹

Inilah lapan belas istilah ilmu balaghah yang dibincangkan oleh Ibn al-Mu'tazz dalam karyanya *al-Badī'*. Beliau mendakwa bahawa tiada seorangpun yang mendahuluinya dalam penulisan bidang ini.² Walau bagaimanapun dakwaan beliau ini dibantah oleh Abū Hilāl al-'Askariy, di mana beliau berkata: "Sesungguhnya para ulama silam telah mengenal badī' sebelumnya.³ Ada yang mengatakan bahawa orang pertama yang memberi nama "al-badī'" untuk seni bahasa atau keindahan ungkapan yang tersebar luas dalam puisi-puisi pada masa Kerajaan Abbasiyah ialah Muslim bin al-Walīd⁴ (208 H / 823 M), beliau diikuti oleh para penyair dan pencerita pada masa itu dan kemudiannya istilah "al-badī'" ini digunakan dalam karya-karya mereka.⁵

Fenomena ini diakui oleh Ibn Mu'tazz sendiri, di mana pada permulaan kitabnya beliau berkata; "...Sesungguhnya Basyar, Muslim, Abū Nuwās dan orang-orang yang seumpama mereka dan orang-orang yang menempuh jalan mereka tidak mendahului dalam bidang ini (al-badī') tetapi ia banyak didapati dalam puisi-puisi mereka, maka ia dikenali pada era mereka sehingga disebut dengan nama ini (al-badī'), maka ia diungkapkan dan ditetapkan".⁶ Dengan demikian maksud dakwaan Ibn al-Mu'tazz bahawa tiada seorangpun yang mendahuluinya dalam bidang badī'

¹ Lihat: Ibn Mu'tazz, *al-Badī'*, hlm. 2 - 75

² Ibid, hlm. 58

³ Abū Hilāl al-'Askariy, *al-Šinā'atayn*, hlm. 25

⁴ Muslim bin al-Walīd ialah salah seorang penyair terkenal zaman Kerajaan 'Abbasiyah, dilahirkan di al-Kūfaṭ, beliau digelar dengan panggilan "Sari' al-Ghawānīy" memuji Khalifah Hārūn al-Rasyīd dan al-Barāmikaṭ, banyak aspek badī' dalam puisinya, berhubung dengan al-Faḍl bin Sahl "Wazīr al-Ma'mūn" dan beliau dilantik sebagai pegawai perhubungan. (al-Munjid, hlm. 533

⁵ al-Syahāt Muḥammad 'Abd Raḥmān Abū Saṭīṭ, *Darāsāt Manhājiyat Fī 'Ilm al-Badī'*, hlm. 9

⁶ Ibn al-Mu'tazz, *al-Badī'*, (Ed): Ignatius Kratchkovsky, hlm. 1

adalah beliau sebagai pelopor dalam bidang ilmu badi‘ dari segi penulisan dan beliau juga orang pertama yang cuba mengumpulkan aspek-aspek ilmu badi‘ ke dalam satu kitab yang berasingan daripada bidang lain. Maka dakwaan Ibn al-Mu‘tazz bahawa tiada seorangpun yang mendahului beliau dalam bidang ilmu badi‘ adalah benar.

Kemudian datang pula Qudāmat bin Ja‘far¹ (276 H - 337 H / 889 M - 948 M). beliau menulis pula sebuah kitab yang berjudul *Naqd al-Syi‘r*, beliau mengisytiharkan bahawa tujuan menulis kitab ini adalah untuk menyempurnakan kekurangan pada pembahagian bidang bayān yang didapati dalam kitab *al-Bayān wa al-Tabayīn* karya Abū ‘Uthmān al-Jāhiz.

Walau bagaimanapun, ramai ulama berpendapat bahawa ilmu balaghah diasaskan oleh ‘Abd Qāhir al-Jurjānī (401 H - 471 H / 1011 M - 1078 M), kerana beliau adalah orang yang pertama membahas bidang ini secara berkaedah, menerangkan dalil-dalilnya, melahirkan faedahnya dan mengatur cabang-cabangnya, khususnya dalam dua karyanya, iaitu *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I‘jāz*.²

Yahyā bin Ḥamza al-‘Ulwiyy dalam karyanya *al-Ṭarāz* berkata: ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī adalah pelopor pengasas kaedah-kaedah ilmu balaghah, di mana beliau telah menerangkan dalil-dalilnya, memperlihatkan fungsinya, menyusun cabang-cabangnya, membuka belunggu keajaiban dengan suatu batas tertentu, merobohkan

¹ Beliau adalah seorang pakar dalam bidang balaghah dan falsafah. Karyanya “Naqd al-Syi‘r” merupakan suatu karya penting. Ia telah disunting oleh tiga orang doktor falsafah terkenal, iaitu DR. Ṭahā Ḥusain, DR. ‘Abd Ḥamīd al-‘Ibādīy DR. ‘Abd al-Mun‘im Khafājīy

² Lihat: Walīd Muḥammad Murād, *Nazriyyat al-Naẓm Wa Qīmatuhā al-‘Āliyat Fī al-Dirāsāt al-Lughawīyyat ‘Inda ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy*, hlm. 55

pagar kemusykilan dengan benteng yang kukuh, membuka bunga-bunga dari mayangnya.....”¹

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan ini maka dapat disimpulkan bahawa pengasas ilmu balaghah, khasnya ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān ialah ‘Abd Qāhir al-Jurjānīy menerusi dua karyanya *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I’jāz*. Sementara pengasas ilmu badī‘ pula adalah ‘AbduLLāh bin al-Mu‘tazz menerusi karyanya *al-Badī‘*.

Sungguhpun ilmu balaghah telah diasaskan oleh ‘Abd Qāhir al-Jurjānīy dan ‘AbduLLāh bin al-Mu‘tazz, namun mereka tidaklah membuat pembahagian terperinci seperti yang kita lihat pada hari ini, sehingga muncul Abū Ya‘qūb al-Sakkākīy, maka beliaulah yang membuat pembahagian bidang balaghah kepada tiga bahagian dan menyusun bab-babnya secara mendetil dan teratur menerusi karyanya *Miftāḥ al-‘Ulūm*, sehingga ada yang menganggap bahawa beliaulah sebagai pengasas ilmu balaghah.

2.6 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa ilmu balaghah merupakan suatu bidang ilmu yang telah lama dikenali dalam kalangan bangsa Arab secara semula jadi, ia berkembang pesat setelah diturunkan al-Quran al-Karim dengan uslub yang indah, di mana di dalamnya mengandungi pelbagai aspek balaghah dan faṣāḥat. Maka dengan kegigihan para ulama yang sentiasa mengambil berat dan memperhatikan terhadap agama dan al-Quran al-Karim mereka berusaha

¹ Yahyā bin Ḥamzaḥ al-‘Ulwīy, *al-Ṭarāz* jil. 1, hlm. 4

memperluaskan perbincangan dan mengembangkan bidang ini menerusi penulisan-penulisan mereka, terutamanya yang berkaitan dengan i'jāz al-Quran al-Karim.

Ilmu balaghah tumbuh dan berkembang secara berperingkat di tangan ulama ajam (bukan Arab), sehingga ia mencapai tahap kegemilangan pada abad ke-5 Hijrah di bawah tangan 'Abd al-Qāhir al-Jurjānīy, di mana beliau telah membahasnya secara berkaedah serta menerangkan dalil-dalilnya, khususnya dalam dua karya beliau, iaitu *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā'il al-I'jāz*.

Seterusnya bidang ini terus berkembang dan dikemas kinikan perbahasannya oleh Sirāj al-Dīn Abū Ya'qūb al-Sakkākīy dengan menyusun bab-babnya dan membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu ilmu ma'ānī, ilmu bayān dan disusuli dengan kajian tentang teknik memperindahkan ungkapan yang kemudiannya dikenali sebagai ilmu badī' yang dilengkapi dengan definisinya masing-masing.

Ilmu balaghah mempunyai peranan yang besar dan kedudukan yang tinggi dalam bahasa Arab, di mana dengan ilmu balaghah seseorang itu dapat membezakan sesuatu ungkapan itu sama ada ia baik ataupun tidak. Begitu juga kedudukannya dari segi agama, terutamanya dalam bidang pentafsiran al-Quran al-Karim, kerana seseorang itu tidak mungkin dapat memahami keajaiban dan rahsia-rahsia yang terkandung dalam al-Quran al-Karim tanpa memiliki kepakaran dalam bidang balaghah.

Ilmu balaghah, khasnya ilmu ma'ānī dan ilmu bayān telah diasaskan oleh 'Abd Qāhir al-Jurjānīy menerusi dua karyanya *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā'il al-I'jāz*. Sementara ilmu badī' pula telah diasaskan terlebih dahulu oleh 'AbduLlāh bin al-Mu'tazz menerusi karyanya *al-Badī'*.